

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED  
SADIQUE (KOTA TINGGI)**

**TARIKH BAHAS : 21 NOVEMBER 2019**

**SOALAN NO. 8**

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [ KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan persaingan nuklear, persaingan teknologi yang meliputi pelbagai aspek, persaingan perdagangan dan persaingan pengaruh politik telah berlangsung dengan begitu sengit di antara negara kuasa-kuasa besar khususnya Amerika Syarikat dan China. Adakah Malaysia akan terheret sama dalam persaingan antara kedua-dua kuasa besar ini atau tidak, kerana Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang cukup erat dengan Amerika Syarikat dan juga China.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

1. Perang perdagangan dan persaingan terbuka geopolitik di antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China telah memasuki tahun kedua. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi, persaingan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China meliputi pelbagai bidang iaitu termasuk persaingan dalam bidang teknologi, perdagangan, pengaruh politik antarabangsa dan aspek keselamatan kedua-dua negara.
2. Persaingan geopolitik ini secara langsung memberi implikasi besar kepada kebanyakan negara yang menjalinkan hubungan diplomatik dan

## SOALAN NO : 8

perdagangan dengan kedua-dua kuasa besar dunia. Ia juga memberi kesan kepada pasaran saham dunia dan mengubah lanskap perdagangan dan pelaburan sedia ada, bukan hanya di Malaysia, malahan tempiasnya dirasai di kebanyakan negara di seluruh dunia.

3. Pada ketika ini, kedua-dua negara masih meneruskan rundingan bagi mencapai kata sepakat dan seterusnya menyelesaikan konflik yang berbangkit. Untuk pengetahuan dewan yang mulia ini, dua minggu lalu terdapat perkembangan yang positif di mana Amerika Syarikat telah bersetuju untuk mengurangkan tarif barangan yang dikenakan kepada Republik Rakyat China sekiranya kedua-dua negara bersetuju memuktamadkan suatu perjanjian.

4. Menurut laporan yang diterbitkan oleh The *Economist Intelligence Unit* (EIU), perang Perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China telah memberi kesan besar kepada kebanyakan negara, memandangkan kebergantungan perdagangan dunia dengan kedua-dua negara ini terutamanya penglibatan besar mereka dalam *global value chain* (dengan izin) atau rantai bekalan global. Walaupun begitu, Malaysia berpotensi mendapat manfaat daripada krisis ini melalui lencongan pelaburan (*investment diversion*) (dengan izin) atau penempatan semula pelaburan (*investment relocation*) (dengan izin) oleh syarikat-syarikat besar dan syarikat-syarikat multinational (MNCs) Amerika Syarikat serta Republik Rakyat China ke Malaysia. Malaysia juga berpotensi menerima manfaat melalui lencongan perdagangan (*trade diversion*) oleh kerana produk RRC telah menghadapi masalah perdagangan dari Amerika Syarikat.

### **Tuan Yang DiPertua,**

5. Walaupun Perang Perdagangan ini masih berterusan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yakin bahawa Malaysia mempunyai kemampuan untuk terus menarik pelaburan asing bernilai tinggi dan dalam masa yang sama meningkatkan perdagangan negara. Sebagai contoh, bagi bulan Januari hingga Jun 2019 sahaja, nilai pelaburan dari Amerika Syarikat telah mencatatkan pelaburan asing tertinggi di Malaysia melalui 19 projek

## SOALAN NO : 8

pembuatan yang diluluskan berjumlah RM11.7 bilion. Projek ini akan mewujudkan 3,233 peluang pekerjaan di pelbagai peringkat. Projek baharu dari *Advance Energy Industries* yang menghasilkan produk elektrik dan elektronik (E&E) dan projek pembesaran dari *On Semiconductors* and *Plexus Manufacturing* adalah antara pelaburan utama yang diterima dari Amerika Syarikat. Perdagangan dua hala Malaysia dengan AS juga menunjukkan prestasi yang menggalakkan.

6. Amerika Syarikat merupakan rakan dagang **ketiga terbesar** Malaysia pada tahun 2018. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat pada tahun 2018 meningkat 1.2% kepada RM155.76 bilion berbanding RM153.95 bilion pada tahun 2017. Jumlah eksport ke Amerika Syarikat adalah berjumlah RM90.81 bilion manakala jumlah import bernilai RM64.95 bilion.

7. Jumlah perdagangan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat dari bulan Januari hingga Ogos 2019 terus menunjukkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4.9% mencecah RM106.48 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Manakala eksport Malaysia ke Amerika Syarikat pula tumbuh pada kadar 4.3% kepada RM61.77 bilion berikutan peningkatan eksport Malaysia bagi barangan Elektrik dan Elektronik, kayu, perkilangan berasaskan plastik, makanan yang diproses serta hasil getah. Import dari Amerika Syarikat turut meningkat sebanyak 5.6% kepada RM44.71 bilion.

**Tuan Yang DiPertua,**

8. Republik Rakyat China pula adalah sumber pelaburan asing yang kedua tertinggi di Malaysia dari bulan Januari hingga Jun 2019 dengan nilai pelaburan sebanyak RM4.8 bilion dari 30 projek yang diluluskan dan pelaburan ini akan mewujudkan sebanyak 4,238 peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Antara pelaburan berteknologi tinggi yang baru diluluskan adalah Projek Pembesaran Syarikat Longi Technology yang terletak di Kuching, Sarawak. Ia melibatkan peningkatan kapasiti syarikat untuk menghasilkan *monocrystalline solar cell* bagi pasaran luar negara.

9. Peningkatan pelaburan ini membuktikan bahawa Malaysia masih merupakan destinasi pilihan bagi pelaburan strategik di rantau ini. Berdasarkan kepada beberapa perbincangan di antara Kementerian dan komuniti perniagaan dari Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China, Malaysia adalah antara pilihan utama di rantau ini kerana lokasi negara yang strategik dan kompetitif. Malaysia juga berada dalam rangkaian bekalan dunia dengan persekitaran perniagaan yang mesra pelabur dan disokong oleh dasar kerajaan yang pro-perniagaan. Republik Rakyat China merupakan rakan dagang terbesar Malaysia selama 10 tahun berturut-turut sejak tahun 2009 lagi. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Republik Rakyat China pada tahun 2018 mencecah RM313.81 bilion, dengan pecahan eksport dari Malaysia ke Republik Rakyat China sebanyak RM 138.9 bilion manakala jumlah import dari Republik Rakyat China pula adalah sebanyak RM 174.9 bilion.

10. Secara purata perdagangan Malaysia dengan Republik Rakyat China bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019 telah menyusut sebanyak 1.2% kepada RM203.73 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018. Eksport Malaysia ke Republik Rakyat China juga turun secara marginal sebanyak 0.1% kepada RM88.96 bilion, berikutan pengurangan eksport barangan elektrik dan elektronik, pengeluaran getah, petroleum mentah serta barangan optik dan saintifik. Walau bagaimanapun, eksport bagi gas asli cecair (LNG), kimia dan bahan kimia, barangan besi dan keluli serta barangan perkilangan logam telah menunjukkan peningkatan. Import dari Republik Rakyat China pula mencatatkan penurunan sebanyak 2% kepada RM114.77 bilion dalam tempoh yang sama.

**Tuan Yang DiPertua,**

11. Kerajaan sentiasa merangka strategi dan mencari jalan terbaik bagi menggiatkan usaha untuk mengurangkan risiko krisis perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China. Antaranya, usaha khusus telah disasarkan terhadap syarikat-syarikat yang beroperasi di Republik Rakyat China untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran serantau alternatif (*regional production hub*) khususnya bagi pasaran Amerika Syarikat. Pejabat agensi di bawah seliaan MITI

iaitu MATRADE di Amerika Syarikat contohnya, turut mempergiatkan aktiviti promosi galakan terhadap pengimport di Amerika Syarikat yang sebelum ini membeli kebanyakan produk dari Republik Rakyat China supaya dapat mempertimbangkan Malaysia sebagai sasaran alternatif import yang baru.

12. Selaras dengan pembentangan Belanjawan 2020, satu saluran khas akan ditubuhkan di bawah agensi Kementerian ini iaitu InvestKL, bagi menarik pelaburan dari Republik Rakyat China yang mempunyai ciri-ciri '*high tech, high value and high impact*' (dengan izin). Inisiatif ini bertujuan untuk menarik dan membantu mempermudah pelaburan asing langsung dari syarikat-syarikat Republik Rakyat China serta syarikat-syarikat multinasional asing (MNC) yang berpusat di Republik Rakyat China, yang berhasrat untuk mengembangkan atau mempelbagaikan operasi perkilangan ke Malaysia.

**Tuan Yang Dipertua,**

13. Malaysia akan menganjurkan Persidangan Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) pada tahun 2020 yang akan turut dihadiri oleh Presiden Amerika Syarikat dan Presiden Republik Rakyat China. Malaysia mengharapkan agar Persidangan APEC ini dapat dijadikan platform untuk kedua-dua negara besar ini serta negara-negara seranta lain mencapai kerjasama dan pemuafakatan khususnya dalam bidang ekonomi. Saya mengharapkan agar APEC 2020 dengan tema *Optimising Human Potential Towards A Future Of Shared Prosperity* (dengan izin) akan turut menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi serantau, dan secara tidak langsung dapat menyelesaikan konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China.

Sekian, terima kasih.